

26/08/1998

Selangor calonkan Dr M

SHAH ALAM, Selasa - Semua 17 bahagian Umno di Selangor akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno pada pemilihan pucuk pimpinan parti, tahun depan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang juga Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata keputusan sebulat suara itu dicapai pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno Selangor, 17 Ogos lalu.

"Sebagai tanda taat setia dan keyakinan kami terhadap pentingnya penerusan kepemimpinan Dr Mahathir, semua 17 bahagian Umno Selangor akan mencalonkan beliau untuk terus kekal selaku presiden parti dalam pemilihan pucuk pimpinan, tahun depan," katanya pada majlis perjumpaan Perdana Menteri bersama pemimpin Umno Selangor di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, hari ini.

Majlis itu dihadiri ketua dan timbalan ketua Umno bahagian, ketua Wanita serta ketua pergerakan Pemuda Umno Selangor.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut memeriksa perbarisan lebih 50 sukarelawan Umno dari Unit Perancangan Strategi Umno Selangor.

Abu Hassan berkata, Umno Selangor sedar pada waktu getir seperti sekarang, negara amat memerlukan pengalaman, kebijaksanaan, daya kepemimpinan dan semangat luhur yang boleh ditimba daripada Dr Mahathir.

"Kami juga sedar bahawa ini bukan kali pertama Dr Mahathir membawa negara keluar daripada kemelut dan kegawatan.

"Sejarah mampu diulang dan kami yakin dengan semangat `kita boleh', negara pimpinan Dr Mahathir akan muncul dengan lebih perkasa lagi," katanya.

Beliau berkata, sebagai mendukung kepemimpinan Dr Mahathir, Umno Selangor juga bersama-sama membanteras segala gejala perosak yang wujud dalam parti seperti politik wang, rasuah dan penyelewengan kuasa.

"Umno Selangor bertekad bertindak secara strategik dan sentiasa bersedia menghadapi apa saja kemungkinan dalam usaha mengekalkan kestabilan politik dan kepentingan bangsa Melayu dan syiar Islam," katanya.

Untuk mencapai matlamat itu, katanya, Umno Selangor menubuhkan Unit Perancangan Strategi yang turut menyediakan sukarelawan Umno yang bersedia bertindak mengikut keperluan parti.

"Persediaan kami begitu rancak dan azam kami begitu padu sehinggakan jika esok pun diisytiharkan pilihan raya, kami di Selangor tetap bersedia untuk melaksanakan tugas masing-masing," katanya.

(END)